



12 Januari 2018
12 January 2018
P.U. (A) 5

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2018

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2018.**

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Nota Jangka Sederhana Islam, yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga empat bilion lima ratus tiga puluh juta ringgit (RM4,530,000,000.00);

Dengan syarat bahawa agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Kredit Pusingan Islam, yang disebut “Pembiayaan RC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi empat bilion lima ratus tiga puluh juta ringgit (RM4,530,000,000.00);

- (b) Pembiayaan RC-i yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion enam ratus juta ringgit (RM1,600,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a); dan
 - (c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Nota Jangka Sederhana Islam dan Pembiayaan RC-i.